

Ingatan Dr M terhadap

Oleh Kadir Dikoh

BH 13 APR 2001

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan muka baru yang dipilih sebagai ketua Umno bahagian supaya menjalankan tugas dengan sebaik mungkin demi kesejahteraan parti.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, muka baru dan ketua bahagian yang berjaya mengekalkan jawatan amanah yang diberikan oleh perwakilan di kawasan masing-masing dengan sempurna.

"Kalau dah dipilih, pa-

Dr Mahathir mahu muka baru dan ketua bahagian yang berjaya mengekalkan jawatan memikul amanah yang diberikan oleh perwakilan dengan sempurna

tut jalan tugas dengan sempurna dan mereka yang kalah, sepatutnya memberi sokongan kepada yang menang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bahan tampalan gigi *Silverfil* keluaran sebuah syarikat tempatan di Taman Teknologi Malaysia.

Beliau mengulas laporan *Berita Harian* hari ini bahawa tokoh korporat dan anak bekas menteri antara lima muka baru yang dipilih menerajui Umno bahagian selepas 24 daripada 165 bahagian selesai mengadakan mesyuarat perwakilan sehingga kini.

Antara muka baru itu ialah anak bekas Menteri Kebajikan Masyarakat, Tan Sri Aishah Ghani iaitu Datuk Astaman Abdul Aziz, yang menewaskan Ahli Parlimen Wangsa Maju, Datuk Zulhasnan Rafique bagi jawatan ketua bahagian Wangsa Maju.

Seorang lagi ialah Pengerusi dan Ketua Eksekutif Nepline Bhd, Datuk Dr Nik Zain Omar, yang memenangi jawatan Ketua Umno Pengkalan Chepa menewaskan penyandangannya selama 15 tahun, Datuk Mohd Arifin Abdul Hamid.

Tiga lagi ialah Ahli Par-

limen Labuan, Datuk Suhaili Abdul Rahman (Labuan), Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Jenderak, Datuk Mohamed Jaafar (Mentakab) dan bekas Adun, Datuk Ahmad Saad (Permatang Pauh).

Mengenai saingan sengit yang dijangka berlaku pada pemilihan peringkat bahagian hujung minggu ini terutama bagi merebut jawatan ketua Umno bahagian Pasir Salak di Perak, Dr Mahathir berkata, ia terpulung kepada ahli untuk membuat pilihan siapa yang mereka mahu.

Di Pasir Salak, bekas

ketua baru

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob akan mencabar bekas Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib yang kini Timbalan Menteri Pengangkutan pada mesyuaratnya Ahad ini.

Ramli adalah ketua bahagian Pasir Salak, manakala Megat Junid timbalannya di bahagian itu sejak 1982.

Mengenai dakwaan penggunaan wang untuk kempen dalam pemilihan peringkat bahagian yang bermula sejak 1 April lalu

sehingga akhir bulan ini, Presiden Umno itu berkata, pucuk pimpinan parti akan mengambil tindakan terhadap sesiapa sahaja yang terbabit dengan gejala buruk itu.

"Kalau ada bukti kita akan ambil tindakan. Tapi semua orang cerita berkenaan penggunaan wang dan bila kita cari bukti tak dapat... kita tidak boleh ambil tindakan atas asas tuduhan sahaja tanpa bukti," katanya.

Dr Mahathir turut ditanya mengenai kenyataan Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah

Aziz semalam yang menyuarakan supaya sistem kuota dalam pencalonan pertandingan semua peringkat Umno kecuali jawatan Presiden dan Timbalan Presiden dimansuhkan.

Bagaimanapun, katanya, keputusan untuk mengadakan sistem kuota itu dibuat oleh parti, bukan oleh pucuk pimpinan saja.

"Bukan saya yang buat keputusan, Majlis Tertinggi (MT) membuat keputusan. Dia (Rafidah) ada dalam MT dan dia boleh membawa perkara ini ke MT," katanya.